



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DASAR BAHASA DI BAWAH PENTADBIRAN
MAHATHIR BIN MOHAMAD**

HASNAH BINTI AWANG

**PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN
BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
 BAB I PENDAHULUAN	 1
1.1 Sejarah Ringkas Dasar Bahasa Selepas Merdeka	1
1.2 Penyata Razak	2
1.2.1 AJK Penyata Razak	2
1.2.2 Cadangan Dasar Penyata Razak	4
1.3 Laporan Rahman Talib	5
1.3.1 Ahli Jawatankuasa Laporan Rahman Talib	5
1.4 Akta Bahasa Kebangsaan	7
1.5 Era Rahman Ya'acob	8
1.6 Fokus Kajian	9
1.7 Tujuan Kajian	10
1.8 Kepentingan Kajian	10
1.9 Metodologi Kajian	11
1.10 Skop Kajian	11





BAB II	LATAR BELAKANG MAHATHIR B. MOHAMAD	12
2.1	Pengenalan	12
2.2	Zaman Persekolahan Mahathir	13
2.3	Perjuangan Semasa di Universiti	14
2.4	Kerjaya Mahathir	14
2.5	Pembabitan Dalam Bidang Pendidikan	15
2.6	Penglibatan Awal Dalam Bidang Politik	15
2.7	Penerimaan Semula Dalam UMNO	17
2.8	Perubahan-Perubahan Dasar Dalam Pentadbiran Mahathir	18
2.9	Pencapaian Dalam Bidang Politik	19

BAB III	TINJAUAN LITERATUR	22
3.1	Pengenalan	22
3.2	Dasar Bahasa dan Fungsi Bahasa Melayu	26
3.2.1	Fungsi Bahasa Melayu Bagi Keperluan Dalam Negara	27
3.2.2	Peranan Bahasa Melayu Sebagai Fungsi Komunikatif	28
3.2.3	Fungsi Bahasa Melayu Dalam Sistem Pendidikan	29
3.3	Perlembagaan Malaysia	29





3.4	Penyataan Dasar Bahasa Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Keempat dan Kelima	30
BAB IV	LAPORAN JAWATANKUASA KABINET 1979	33
4.1	Pengenalan	33
4.2	Ahli-Ahli Jawatankuasa Laporan Kabinet 1979	34
4.3	Pembentukan Jawatankuasa Pegawai-Pegawai dan Rangka Tugas	35
4.4	Pelaksanaan Tugas	36
	4.4.1 Jawatankuasa Kecil	36
	4.4.2 Tahun Pengkajian	36
4.5	Memorandum Yang Diterima	37
4.6	Perbincangan Tentang laporan Kabinet	37
4.7	Rangka Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979	38
4.8	Penyataan Perakuan Laporan Kabinet 1979	40
4.9	Falsafah Pendidikan Negara	44
4.10	Penggubalan Kurikulum baru	46
	4.10.1 Pembentukan KBSR	47
	4.10.2 Pembentukan KBSM	48
4.11	Bahasa Melayu Merentasi Kurikulum	49
4.12	Kelemahan KLSR dan KLSM	50
4.13	Nilai Murni dalam Sistem Pendidikan	51
4.14	Peranan Bahasa Melayu Dalam Laporan Kabinet	51



4.15	Kedudukan Bahasa-Bahasa Lain	53
4.16	Perkembangan Laporan Jawatankuasa Kabinet	54
4.16.1	Pencapaian KBSR	54
4.16.2	Pencapaian KBSM	55
4.16.3	Laporan Jemaah Nazir	57
BAB V	PERUBAHAN AKTA 1961 KEPADA AKTA 1996	59
5.1	Pengenalan	59
5.2	Ahli Jawatankuasa Akta Pendidikan 1996	61
5.3	Perbandingan Antara Akta 1961 dengan Akta Pendidikan 1996	62
5.3.1	Komponen Akta	63
5.3.2	Matlamat Akta Pendidikan	64
5.3.3	Struktur Pentadbiran Pendidikan	65
5.4	Perubahan Akta Pendidikan 1996	66
5.5	Kuasa Menteri Pendidikan	69
5.6	Akta Pendidikan Swasta 1996	70
5.7	Status Bahasa Kebangsaan	72
5.8	Implikasi IPTS	74
5.8	Kajian Ringkas IPTS	77

BAB VI	PENUKARAN BAHASA PENGANTAR BAGI MATA	81
	PELAJARAN MATEMATIK DAN SAINS DI SEKOLAH	
6.1	Pengenalan	81
6.2	Menukar Bahasa Pengantar di IPT	82
6.3	Reaksi Masyarakat Terhadap Perubahan Dasar	84
6.4	Cadangan Awal Menukar Bahasa Pengantar di Peringkat Sekolah	86
6.5	Bantahan Pelbagai Pihak	86
6.5.1	Pejuang Bahasa	87
6.5.2	Masyarakat dan Pertubuhan Cina	88
6.5.3	Pendirian Parti Politik	91
6.5.4	Reaksi Pemimpin Politik Tempatan	91
6.6	Saranan Penyelesaian Polemik	92
6.7	Kedudukan Bahasa Melayu	93
6.8	Keputusan Kerajaan	96
6.9	Peranan Bahasa Ibunda Dalam Penyebaran Ilmu	98
BAB VII	MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA DAN	102
	SUMBANGAN DALAM DASAR	
	BAHASA KEBANGSAAN	
7.1	Pengenalan	102
7.2	Senarai Menteri Pendidikan dan Sumbangan	103



Bab VIII RUMUSAN

114

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN





PENGAKUAN

Saya mengaku projek sarjana ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

17 MEI 2004

Tandatangan:

Nama : HASNAH BT AWANG

No. Matrik : 200200739



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, saya dapat menyempurnakan kertas projek yang bertajuk *Dasar Bahasa Di Bawah Pentadbiran Mahathir b. Mohamad* bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Profesor Dr. Abdullah Hassan selaku penyelia kertas projek yang banyak membimbing dan menunjuk ajar sepanjang pengajian ini. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan, kertas projek ini tidak akan terhasil dengan sempurna.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah Bahasa Melayu di Fakulti Bahasa yang telah banyak mencurahkan ilmu yang bermanfaat sepanjang tempoh pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada pustakawan-pustakawan di Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka. Juga ucapan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia di atas khidmat yang diberikan dalam menyempurnakan kertas projek ini.

Akhir kata sekalung doa untuk semua pihak yang terlibat dalam menyiapkan kertas projek sama ada secara atau tidak langsung. Setiap detik pengorbanan dan jasa baik kalian akan sentiasa dikenang.

HASNAH BINTI AWANG
2002 / 00739
Program M.Ed. (B.Melayu)
Fakulti Bahasa
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak kertas projek yang dikemukakan kepada Fakulti Bahasa sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu).

DASAR BAHASA DI BAWAH PENTADBIRAN MAHATHIR BIN MOHAMAD

Kajian ini adalah bertujuan bagi meninjau pelaksanaan dasar bahasa sepanjang pentadbiran Mahathir b. Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang ke-4. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kajian kepustakaan.

Kajian ini mengandungi sejarah ringkas tentang dasar bahasa sejak merdeka hinggalah kini. Selain itu kajian ini membincangkan sedikit tentang latar belakang beliau.

Kajian ini menganalisis perubahan yang paling awal iaitu Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 yang membawa kepada perubahan kurikulum lama kepada kurikulum baru dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Perbincangan seterusnya adalah mengenai rentetan peristiwa pemansuhan Akta Pelajaran 1961 kepada termaktubnya Akta Pendidikan 1996. Akta Pendidikan 1996 adalah satu perundangan pendidikan baru dalam sistem pendidikan kebangsaan kini.

Kajian juga meliputi kepada penukaran bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di peringkat sekolah. Selain itu kajian ringkas dilakukan bagi meninjau sumbangan oleh Menteri Pendidikan dalam perkembangan dasar bahasa kebangsaan sejak merdeka hinggalah ketika ini.

Kesimpulan kajian menunjukkan bahawa terdapat perubahan-perubahan yang ketara dilakukan. Walau bagaimanapun, perubahan-perubahan yang dibuat perlu mengambil kira status dan martabat bahasa kebangsaan itu sendiri agar tidak terpinggir dibumi sendiri.

Abstract of project paper submitted as a part of requirements of M. Ed. (Malay Language) Programme.

LANGUAGE POLICIES UNDER THE LEADERSHIP OF MAHATHIR BIN MOHAMAD

The research aims to examine the implementation of language policies during the leadership of Mahathir B. Mohamad, the fourth Prime Minister of Malaysia. The research methodology used is reading material analysis in which information from various and extensive reading materials (i.e books, journals, newspaper articles etc.) are interpreted.

The research encompasses a brief history on language policies since independence until now. In relation the prime minister's background is also discussed. The research analyses the changes in the first and fundamental 1979 Cabinet Committee Report which later triggered the revamp of the national curriculum. This, later introduced the new curriculum in the national education system.

Further discussions touch on the chronological events from the demolition of the 1961 Education Act to the establishment of the 1996 Act which has been the foundation of education system until now.

The research also revolves around the use of the English Language as medium in the teaching and learning of Science and Mathematics. A brief analysis on the education minister's contributions in the development of language policies is also carried out.

The research has managed to conclude that there are significant and sound changes occurred. However these changes have to take the status of the national language into account so as to ensure its role as the first language of the country is retained.



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Sejarah Ringkas Dasar Bahasa Selepas Merdeka

Menjelang kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia diberi taraf kerajaan sendiri pada tahun 1955. Parti Perikatan yang menerajui kerajaan dalam tahun 1955 menghadapi pembinaan sebuah negara yang berdaulat. Terdapat dua faktor yang menghalang usaha-usaha ke arah pembinaan satu negara. Pertama ialah wujudnya ketidakseimbangan dalam ekonomi, dan sosial serta prasangka antara masyarakat khususnya antara Melayu dan Cina. Kedua, ialah terdapatnya suatu sistem yang ditinggalkan oleh kerajaan kolonial yang menyebabkan sesuatu rombakan kepada tatacara pentadbiran membawa banyak akibat yang sukar diselesaikan. Dalam hal ini





kerajaan Perikatan menganggap bahawa bidang pendidikan merupakan sarana yang paling berkesan dalam membina bangsa dan negara maka dibentuklah Jawatankuasa Pendidikan pada September 1955.

1.2 Penyata Razak 1956

Jawatankuasa yang dibentuk pada 1955 menyerahkan laporannya dalam bulan April 1956 dan Majlis Perundangan menerima usul-usulnya sebagai Ordinan Pelajaran 1957. Laporan Jawatankuasa tersebut dikenal sebagai Penyata Razak iaitu mengambil sempena nama pengerusinya Abdul Razak Hussein yang menjadi Menteri Pelajaran pertama.



1.2.1 Ahli Jawatankuasa Penyata Razak 1956

Jawatankuasa Pendidikan telah dianggotai oleh menteri dan timbalan menteri daripada berbagai-bagai kaum dan portfolio, iaitu:

1. Menteri Pendidikan – Abdul Razak bin Hussein (Pengerusi)
2. Menteri Buruh – V. T. Sambanthan
3. Menteri Sumber dan Kerajaan Tempatan – Suleiman b. Abdul Rahman
4. Menteri Besar Selangor – Abdul Aziz b. Haji Abdul Majid
5. Menteri Besar Negeri Sembilan – Shamsudin b. Nain
6. Timbalan Menteri Pendidikan – Too Joon Hing





7. Timbalan Menteri Sumber dan Kerajaan Tempatan – Abdul Rahman b. Talib
8. Goh Chee Yan, Lim Chong Eu, Zainal Abidin b. Sultan Mydin, Leung Cheung Ling, Mohd Ghazali Jawi, Lee Thean Hin, Mohamed Idris b. Mat Sil, Abdul Hamid Khan b. Haji Sakhawat Ali Khan.
9. Pengarah Pendidikan – E.M.F. Payne
10. Timbalan Pengarah Pendidikan – G. Woods
11. Mohamed Sanusi b. Baki, T. Eames Hughes (Setiausaha Jawatankuasa).

Usul penting Penyata Razak berkaitan secara langsung dengan pendidikan bahasa Melayu ialah membentuk suatu sistem pendidikan kebangsaan yang dapat memupuk perpaduan rakyat pelbagai keturunan. Menurut Penyata Razak tujuan



pendidikan kebangsaan ialah:



“Menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar yang besar, walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur.”

Kenyataan ini membayangkan kepentingan cara hidup demokrasi dengan sikap tolak ansur dan mendukung semangat perpaduan kaum.





1.2.2 Cadangan Dasar dalam Penyata Razak

Antara cadangan dasar penting yang terkandung dalam Penyata Razak 1956 ialah:

- a. Untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Semua murid dalam semua jenis sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan wajib mempelajari bahasa Melayu. Murid-murid pada tahun akhir tahun sekolah rendah wajib lulus bahasa Melayu untuk menaiki sekolah menengah, dan wajib lulus juga mata pelajaran tersebut dalam peperiksaan menengah dan menengah atas.
- b. Untuk meningkatkan kualiti pengajaran bahasa Melayu, sebuah institusi bahasa wajar dibina bagi mengeluarkan guru-guru bahasa Melayu yang terlatih.
- c. Untuk memastikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, kelulusan dalam bahasa Melayu perlu untuk memperoleh jawatan dalam perkhidmatan kerajaan, mendapat biasiswa kerajaan, dan untuk memasuki maktab-maktab perguruan.
- d. Pengarah Pendidikan hendaklah memastikan bahawa mutu pembelajaran bahasa Melayu dipertingkatkan di sekolah-sekolah menengah. Tabung khas mesti diwujudkan di universiti untuk pengajian Melayu.
- e. Sekolah-sekolah rendah kebangsaan ditubuh dan ditaja oleh kerajaan, dan bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di sekolah-sekolah berkenaan. Sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris, Cina, dan Tamil terus kekal dengan bahasa pengantar masing-masing.
- f. Pembelajaran bahasa melayu dan Inggeris adalah wajib untuk semua murid sekolah menengah.

Itulah antara saranan dasar penting yang dikemukakan oleh Penyata Razak 1956 yang membina struktur pendidikan Malaysia.





1.3 Laporan Rahman Talib 1960

Selepas tiga tahun mencapai kemerdekaan, pemimpin mendapati sistem pendidikan sebagai bermasalah dan lemah untuk membina semangat kekuatan warganegara, kesejahteraan masyarakat, dan pembangunan sosial. Tambahan pula dengan mengambil kira rasa tidak puas hati di kalangan kaum-kaum utama di Malaysia dan kehendak negara selepas mencapai kemerdekaan lebih mengarah kepada penganjakan bahasa penjajah (bahasa Inggeris) kepada bahasa bumiputera sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar utama di sekolah kerajaan membentuk Jawatankuasa Penyemak Pelajaran pada tahun 1960 bagi meneliti kekurangan dan menyegerakan pelaksanaan dasar-dasar pendidikan kebangsaan dalam Penyata Razak 1956 dan Ordinan Pelajaran 1957. Dengan mengambil sempena nama pengerusinya Abdul Rahman Talib yang menjadi Menteri Pelajaran ketika itu, Jawatankuasa tersebut dikenali sebagai Laporan Rahman Talib.



1.3.1 Ahli Jawatankuasa Laporan Rahman Talib 1960

Jawatankuasa Penyemak dianggotai oleh beberapa menteri dan timbalan serta pegawai-pegawai tinggi dalam Kementerian Pendidikan. Antara Jawatankuasa induk ialah:

1. Menteri Pendidikan – Abdul Rahman b. Talib (Pengerusi)
2. Menteri Kehakiman – Leong Yew Koh
3. Menteri Perdagangan dan Perindustrian – Mohd Khir Johari
4. Ketua Menteri P. Pinang – Wong Pow Nee





5. Timbalan Menteri Pendidikan – Kapten Abdul Hamid Khan b. Hj. Sakhawat Ali Khan
6. Timbalan Menteri Buruh – V. Manickavasagam
7. Ahli Parlimen Koh Kim Leng, Mohd Dahari b. Hj. Mohd Ali, Abdul Ghani b. Ishak
8. G.M.T. Osborn (Setiausaha).

Jawatankuasa ini diberi tugas mengkaji semula polisi pendidikan kebangsaan yang telah dicadangkan oleh Penyata Razak. Tentang bahasa pengantar di sekolah, Laporan Rahman Talib sedaya-upaya memantapkan kedudukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di semua sekolah terutamanya di peringkat sekolah menengah dan pendidikan di universiti. Antara cadangan yang dikemukakan termasuklah mewajibkan murid-murid lulus bahasa kebangsaan dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan menganjurkan semua peperiksaan awam diadakan dalam bahasa rasmi sahaja, iaitu bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan. Selain itu, secara beransur-ansur sekolah-sekolah jenis kebangsaan Inggeris akan menjadi sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa kebangsaan sepenuhnya.

Dasar-dasar penting dalam Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 dikuatkuasakan oleh kerajaan melalui Akta Pelajaran 1961. Sejak itu perkembangan pendidikan kebangsaan khususnya berhubung dengan bahasa pengantar tunggal di sekolah-sekolah adalah berdasarkan polisi yang telah digariskan dalam Akta



Pelajaran 1961 iaitu menjadikan bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat persekolahan.

Walaupun bagaimanapun, antara tahun 1963-1970 (pembentukan awal Malaysia), berbagai-bagai masalah perundangan berhubung pelaksanaan dasar pendidikan kebangsaan telah timbul. Dalam pergolakan ini, satu pihak mahu bahasa kebangsaan dilaksanakan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah, manakala pihak yang lain pula mahu keadaan semasa dikekalkan (Haris Mohd. Jadi 1992: 793).

1.4 Akta Bahasa Kebangsaan

Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia dan Akta 1963/1967 (disemak 1971) yang membentuk Dasar Bahasa Kebangsaan menetapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tunggal dan bahasa rasmi di negara ini. Walaupun kedua-dua dokumen undang-undang ini tidak menjelaskan tugas dan peranan bahasa kebangsaan, pemimpin-pemimpin negara pada masa itu sedar tentang kepentingan bahasa kebangsaan sebagai alat perpaduan kaum dan lambang identiti negara merdeka.

Adalah menjadi harapan agar akta tersebut berperanan sebagai Bahasa Kebangsaan Negara. Malangnya, apa yang diharap tidak berlaku dengan sempurna. Akta ini lebih merupakan dasar tolak ansur untuk memuaskan golongan-golongan tertentu (Haris Mohd Jadi 1992: 79). Sekalipun mengesahkan kedudukan bahasa



Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal, akta ini masih memberi jaminan bahawa bahasa-bahasa lain tetap digunakan untuk kepentingan awam.

Walaupun tuntutan-tuntutan daripada rakyat begitu meluas dan mendesak supaya segera dilaksanakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah, kecenderungan untuk bagi kedudukan bahasa Inggeris masih diteruskan secara bersungguh-sungguh. Pelajar-pelajar keluaran sekolah menengah kebangsaan mendapati peluang-peluang bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi atau mendapat pekerjaan dalam sektor awam atau swasta terhad kerana mereka tidak mempunyai kelulusan dalam bahasa Inggeris (Haris Mohd. Jadi 1992: 797).



Sehubungan dengan hal ini, kejadian 13 Mei 1969 dalam beberapa aspek dikaitkan dengan perasaan ketidakpuasan dan kekecewaan rakyat berkaitan dengan isu bahasa dalam pendidikan. Ketegangan yang berlaku berkait rapat dengan sikap pemerintah yang melengah-lengahkan usaha meletakkan bahasa Melayu di tempat haknya (Asmah Hj. Omar 1979: 46).

1.5 Era Rahman Ya'acob

Atas kesedaran pentingnya melaksanakan isu bahasa kebangsaan ini, Abdul Rahman Yaakub sebagai Menteri Pendidikan dalam Kabinet Majlis Gerakan Negara, mengumumkan pelaksanaan berhubung sistem pendidikan negara. Dalam





pengumuman tersebut Abdul Rahman Ya'acob mengarahkan agar semua mata pelajaran (kecuali bahasa Inggeris dan bahasa ibunda murid) diajarkan dalam bahasa Melayu secara berperingkat dan mula daripada darjah satu mulai tahun 1970 (Negara Kita 1982: 155). Peperiksaan dikendalikan dalam bahasa kebangsaan. Bagi institusi pengajian tinggi bahasa pengantar dan peperiksaan diadakan dalam bahasa kebangsaan. Bahasa Inggeris diletakkan sebagai bahasa kedua.

Kemuncak pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ialah penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam tahun 1970. Penubuhannya dianggap sebagai lambang kejayaan dasar pelajaran kebangsaan melalui pengantar bahasa kebangsaan. Pada tahun 1974 kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan Mahathir b. Mohamad. Setelah lima tahun, jawatankuasa ini telah mengemukakan laporan yang lebih dikenal sebagai Laporan Kabinet 1979 (Abdullah Hassan: 1999). Perakuan ke-20 dalam Laporan Kabinet jelas menyebut bahawa bahasa Melayu adalah bahasa pengantar di sekolah-sekolah, manakala, bahasa Inggeris pula diberi kedudukan sebagai bahasa kedua.

1.6 Fokus Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Swasta 1996 serta Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979), meliputi Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), dan





‘Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang berkaitan dengan dasar bahasa. Kajian juga tertumpu terhadap dasar pelaksanaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Pengkaji juga meneliti ucapan presiden sepertimana yang terdapat di dalam buku Amanat Presiden yang ada hubung kait dengan dasar bahasa, perubahan-perubahan yang dibuat melibatkan implikasi dalam sistem pendidikan negara.

1.7 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- a. Meneliti dasar bahasa yang berlaku semasa di bawah pentadbiran Mahathir.
- b. Mengenalpasti dan memaparkan perubahan-perubahan dalam era ini yang menentukan proses pembinaan negara.
- c. Melihat kejayaan-kejayaan dalam pentadbiran beliau.

1.8 Kepentingan Kajian

Dasar bahasa adalah penting sebagai alat membangunkan negara. Selain daripada soal perpaduan etnik, dasar bahasa ini boleh menjadi satu alat memajukan negara dalam bidang ekonomi, perusahaan, sains dan teknologi. Justeru kajian ini dijangka membawa faedah kepada pihak berikut:

- a. Penggubal-penggubal kurikulum
- b. Guru-guru





- c. Pengkaji bahasa
- d. Masyarakat umum

1.9 Metodologi Kajian

Secara umumnya kajian ini dilakukan berlandaskan kaedah kepustakaan. Maklumat yang diperolehi daripada buku-buku, jurnal, keratan akhbar dan kertas kerja dianalisis dalam kajian ini.

1.10 Skop Kajian

Kajian ini merangkumi dasar bahasa yang bermula dengan Akta Pendidikan 1996 yang menggantikan Akta Pendidikan 1961. Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengandungi kurikulum baru persekolahan menggantikan kurikulum lama, dan Falsafah Pendidikan Negara. Skop kajian juga meliputi dasar pelaksanaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik yang dilaksanakan pada tahun 2003. Kajian turut meneliti kesan-kesan perubahan dasar yang dibuat terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

